

25 JUL 1999

LID-Mahathir

GLOBALISASI BOLEH MEROMPAK KEMERDEKAAN KITA, KATA MAHATHIR

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

LANGKAWI, 25 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata globalisasi hanya membawa faedah jika ia diberikan wajah kemanusiaan atau dikawal oleh undang-undang dan amalan-amalan yang boleh menjamin bahawa negara-negara miskin tidak akan menghadapi kegawatan dan serangan ekonomi berulang-ulang.

"Ini boleh dilakukan, tetapi ia hanya boleh dilakukan jika masyarakat antarabangsa termasuk yang miskin diberikan hak di dalam pentafsiran globalisasi," kata Perdana Menteri di dalam ucapannya pada pembukaan Dialog Antarabangsa Langkawi (LID '99) keempat di sini, malam ini.

"Sesungguhnya kita tidak boleh menyerah begitu sahaja, idea globalisasi adalah jauh daripada jelas," katanya di dalam ucapan beliau mengenai "Globalisasi dan Perkongsian Bijak" kepada kira-kira 300 peserta yang menghadiri LID '99 yang terdiri daripada ketua-ketua negara, kebanyakannya dari Afrika, dan pemimpiin-pemimpin industri dari 38 negara.

"Pada masa ini, negara-negara miskin hampir tidak ada hak langsung (manakala) banyak berhutang budi kepada negara kaya kerana bantuan dan pinjaman dan tidak mampu membatah," katanya.

Bagi memastikan globalisasi membawa faedah yang saksama, Dr Mahathir berkata kelonggaran patut diberikan kepada negara-negara miskin, sama seperti sukan yang boleh diluaskan kepada persaingan pasaran antarabangsa.

Perdana Menteri berkata peraturan-peraturan baru perlu diwujudkan oleh masyarakat antarabangsa dan dikuatkuasakan oleh agensi-agensi antarabangsa yang benar-benar bebas, dan bukannya oleh mereka yang dikuasai oleh negara-negara berkuasa dan kaya.

"Mestilah ada ketelusan dalam perdagangan dan urusanniaga di kalangan negara-negara. Tiada sesiapa, pastinya bukan pedagang-pedagang matawang dan manipulator pasaran, harus dikecualikan daripada syarat untuk membuka akaun mereka," katanya.

Perdana Menteri berkata: "Ini adalah antara beberapa perkara yang boleh membantu memberi wajah kemanusiaan kepada globalisasi. Mesti ada perkara-perkara yang boleh dilakukan untuk menjadikan globalisasi lebih dialu-alukan oleh semua, termasuk negara-negara miskin."

Dr Mahathir mengulangi amarannya kepada negara-negara sedang membangun terhadap padah menerima secara membuta tuli globalisasi yang digalakkan oleh Barat, dan berkata ia bukan sahaja merompak kemerdekaan sosial dan ekonomi mereka tetapi juga kebebasan politik mereka.

"Harga menerima globalisasi adalah terlalu tinggi bagi faedah mendapatkan kemudahan memasuki pasaran-pasaran yang meragukan kepada negara kaya bagi barangan yang mereka tidak keluarkan," kata Perdana Menteri.

Menggambarkan bahaya-bahaya globalisasi jika pentafsirannya diterima tanpa dipersoalkan, Dr Mahathir berkata sementara "ia seolah-oleh tidak boleh ditolak, ia tidak bermakna bahawa kita harus duduk dan melihat sahaja penyangak-penyangak itu memusnahkan kita.

"Mestilah ada peruntukan-peruntukan had paling tinggi dan paling rendah yang dibenarkan supaya mengekang keterlaluan," katanya dengan merujuk kepada pasaran ekuiti yang dagangan digantung sementara jika harga meningkat dengan terlalu tinggi atau menurun dengan amat mendadak, satu peraturan yang dibentuk untuk mengawal turun-naik yang meluas dan memastikan kestabilan pasaran.

Oleh kerana spekulator-spekulator menyerang matawang-matawang dengan bebas tanpa kos mengakibatkan kemusnahan teruk kepada negara-negara sedang

membangun, Dr Mahathir berkata sepatutnya ada cukai ke atas semua spekulator antarabangsa.

"Mereka tidak boleh beroperasi dari pusat-pusat kewangan luar pesisir (dan) cukai mestilah dikongsi untuk membantu megara-negara yang terjejas oleh mereka, kembali pulih," kata beliau.

Di samping itu, pinjaman yang diberikan oleh bank hendaklah berhemat dan seimbang.

"Jika negara-negara tertakluk kepada penarafan, begitu juga dana-dana lindung nilai," kata beliau.

Mengenai penarafan, Dr Mahathir berkata ia sepatutnya dilakukan oleh pertubuhan-pertubuhan bukan mencari keuntungan antarabangsa yang dibiayai oleh masyarakat antarabangsa dan tiada sesiapa patut menguasai bahagian terlalu besar pembiayaan itu.

Berlatarkan eksploitasi berterusan oleh negara kaya yang menjejaskan negara miskin, Perdana Menteri berkata risiko dan kemusnahan bagi negara-negara membangun untuk menerima globalisasi tanpa persoalan adalah terlalu besar bagi mereka.

Beliau berkata spekulator matawang yang mengeksploitasi sebuah pasaran global dan membawa kemakmuran bagi negara-negara mereka sendiri, tetapi memusnahkan kekayaan yang mengambil masa berdekad-dekad untuk dibina, dengan jelas mendedahkan kesan buruk globalisasi.

Pedagang-pedagang matawang mungkin menurunkan nilai matawang untuk keuntungan dengan mendakwa mereka mendisiplinkan kerajaan-kerajaan, tetapi Dr Mahathir berkata "mereka tidak akan mendisiplinkan kerajaan jika mereka akan kerugian wang di dalam proses itu."

"Kekayaan seluruh negara-negara dimusnahkan untuk memberi keuntungan kecil kepada segelintir orang, ia adalah lebih buruk daripada permainan wang sifar (kerana) sebenarnya, kemiskinan yang disebabkan mereka adalah beberapa kali lebih besar daripada keuntungan yang mereka perolehi dan kekayaan yang mereka bawa ke negara-negara mereka sendiri," katanya.

Dr Mahathir menekankan bagaimana mengekang pedagang matawang dan manipulator jualan singkat telah membantu ekonomi-ekonomi yang terjejas di Asia Timur untuk pulih.

Beliau berkata ketamakan dan keterlaluan mereka yang mengakibatkan kemusnahan dana lindung nilai Long Term Capital Management New York telah mengakibatkan bank-bank menolak pembiayaan untuk aktiviti mereka.

Pada waktu yang sama, terdapat kebimbangan bahawa jika mereka tidak dibendung, maka negara-negara yang terjejas mungkin mengambil tindakan dengan memulihkan kawalan ke atas matawang mereka atau cuma enggan membayar hutang-hutang mereka.

Beliau juga berkata bahawa pemulihan Asia Timur bukan disebabkan oleh pinjaman yang diberikan kepada mereka sama sekali oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) kerana harus diingat bahawa pinjaman itu sebahagian besarnya bagi membayar pinjaman yang terhutang kepada bank-bank asing.

Dr Mahathir juga berkata bahawa operasi penyelamat oleh agensi-agensi antarabangsa boleh membebaskan mereka dengan lebih banyak hutang yang mungkin mereka tidak akan dapat membayarnya balik.

"Membina semula ekonomi-ekonomi mereka akan mengambi masa berdekad-dekad. Dengan meletakkan di bawah kawalseliaan agensi-agensi antarabangsa, mereka akan hilang kuasa ekonomi mereka dan seperti yang boleh dilihat di dalam beberapa kes, malahan politik mereka boleh dikuasai dan dimanipulasi oleh orang asing," katanya.

-- BERNAMA

MR FR OS NAK